

BR1M bukti kerajaan mampu

Kira-kira 4.64 juta rakyat Malaysia boleh tersenyum riang apabila kerajaan bersetuju mempercepatkan proses pembayaran akhir Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang akan diagihkan kepada mereka mulai esok.

Belalang berharap penerima BR1M terutama orang Melayu Islam harus lebih bersyukur dengan keputusan kerajaan menyegerakan bayaran ini kerana ia dapat membantu mereka untuk membuat persiapan menyambut Aidiladha, Khamis ini.

Ini bukti kemampuan kerajaan menguruskan ekonomi negara dengan baik walaupun berdepan situasi ekonomi tidak menentu serta penyusutan nilai ringgit berikutan pengukuhan nilai dolar Amerika. Ini yang rakyat perlu faham sebenarnya.